

# KENYATAAN MEDIA

## PENEMBUSAN TEROWONG YANG PERTAMA BAGI MRT LALUAN SSP

***Kejayaan penting apabila bahagian pertama terowong antara Stesen Bandar Malaysia Utara dan Stesen Chan Sow Lin berjaya disiapkan***

**Kuala Lumpur, 29 Januari 2019:** Penembusan mesin pengorek terowong (TBM) pertama bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) pada hari ini di tapak pembinaan Stesen MRT Chan Sow Lin menandakan satu pencapaian penting bagi pembinaan laluan kedua Projek MRT Lembah Klang.

Bahagian terowong di antara Stesen Bandar Malaysia Utara dan Stesen Chan Sow Lin telah digali menggunakan mesin pengorek terowong (TBM) pembolehubah ketumpatan dan mengambil masa kira-kira 11 bulan untuk menyiapkan bahagian bawah tanah sepanjang 1.9km.

Kejayaan hari ini menandakan selesainya bahagian terowong yang pertama, daripada sejumlah 16 bahagian terowong yang perlu disiapkan bagi seksyen bawah tanah Laluan SSP sepanjang 13.5km.

Pencapaian itu menjadi amat bermakna kerana TBM ini, yang dinamakan S-776-VD, merupakan TBM yang menyiapkan bahagian terowong pertama bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) pada Januari 2014. TBM ini telah menjalani pembaikpulihan di sebuah kilang di Pusing, Perak, dan digunakan semula bagi Laluan SSP.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) Sdn Bhd Dato' Najmuddin Abdullah berkata, "Kejayaan pada hari ini merupakan satu pencapaian yang bermakna bagi pembinaan Laluan SSP dan kami sedang bekerja keras untuk menyiapkan projek ini tepat pada masanya iaitu pada tahun 2022."

Beliau mengucapkan tahniah kepada pasukan terowong MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd kerana telah berjaya menyiapkan bahagian terowong yang begitu mencabar keadaan geologinya.



“Alhamdulillah penggalian terowong telah berjalan dengan lancar walaupun terdapat beberapa isu akibat dari keadaan geologi yang sukar. Selain daripada itu, kerja menggali terowong di bawah Jalan Sungai Besi yang mempunyai 13 lorong, Jalan Chan Sow Lin yang sibuk serta landasan LRT yang sedang digunakan berhampiran dengan Stesen LRT Chan Sow Lin menambahkan lagi kesukaran kerja tersebut,” kata beliau.

Beliau turut menambah bahawa kerja-kerja penggalian terowong bagi Laluan SSP akan dijalankan pada keupayaan maksimum apabila tujuh lagi TBM dilancarkan pada tahun ini. Termasuk TBM yang selesai menggali terowong pada hari ini, terdapat lima TBM yang sedang beroperasi pada masa ini. Sejumlah 12 TBM akan digunakan dan oleh kerana terdapat 16 bahagian terowong, beberapa buah TBM akan digunakan untuk mengorek dua bahagian terowong.

Berikutan penembusan pada hari ini, TBM akan ditarik melintasi lantai kekotak Stesen Chan Sow Lin untuk memulakan semula penggalian bahagian terowong kedua ke arah utara di antara Stesen Chan Sow Lin dan Stesen Tun Razak Exchange. Apabila ia tiba di Stesen Tun Razak Exchange, TBM akan dileraikan dan dibawa keluar mengikut bahagian.

Pengarah Pembinaan kontraktor kerja bawah tanah Laluan SSP MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd Dato’ Ubull Din Om berkata penyiapan bahagian terowong pertama ini merupakan satu pencapaian, memandangkan keadaan tanah pada bahagian ini adalah lebih sukar berbanding keadaan geologi yang dialami semasa pembinaan laluan yang pertama.

“Secara geologi, profil tanah bagi jajaran terowong berada dalam jenis batu kapur karstik *Extreme V*, menjadikan ia sangat mencabar. Batu kapur karstik terkenal dengan keadaan tanah yang tidak menentu, menjadikan ia sangat berisiko untuk operasi TBM,” katanya.

Beliau berkata pada tahun 2003 semasa kerja penggalian terowong SMART dijalankan di kawasan yang sama, banyak lubang benam terbentuk, mengakibatkan gangguan yang signifikan terhadap lalu lintas dan aktiviti manusia di atas tanah.

Beliau turut menambah bahawa kerja-kerja terowong telah berjalan dengan lancar, dengan hanya insiden-insiden kecil. Ini merupakan kejayaan daripada TBM yang direka khas dan pengalaman warga kerja MMC Gamuda selepas menggunakannya untuk Laluan SBK. Insiden-insiden sepanjang Jalan Chan Sow Lin telah berjaya dibendung dan hanya mengakibatkan gangguan minima kepada orang ramai dan harta awam.

Keseluruhan kemajuan pembinaan Laluan SSP ialah pada 41%.

-tamat-



**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**En Leong Shen Li** : 012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

**Dr. Bhavani Krishna Iyer** : 019-312 8303 /bhavani@kvmrt-ug.com.my